

**Penggantungan Muhyiddin bakal sebabkan perpecahan Umno Johor,  
kata penganalisis  
Malaysian Insider  
Feb 29, 2016  
Oleh Jennifer Gomez**

Penggantungan Tan Sri Muhyiddin Yassin daripada Umno sudah pasti akan menyebabkan keresahan dalam parti, terutama sekali di tempat kelahiran parti pemerintah Melayu itu di Johor, kata peninjau pendapat awam bebas Ibrahim Suffian, hari ini.

Bercakap dalam ruangan bual bicara di radio BFM pagi ini, pengarah eksekutif Merdeka Center itu berkata, pasti akan ada rasa tidak selesa terutama di kawasan yang setia pada bekas timbalan perdana menteri itu, seperti di Pagoh yang juga kawasan Parlimen beliau dan di sekitarnya.

"Saya tidak fikir akan berlaku pemberontakan di seluruh negara, tapi ia pasti berlaku keresahan di dalam Umno Johor dan kita perlu lihat bagaimana ia berkembang dalam tempoh 2 tahun.

"Sama ada ia akan menjejaskan dan memecahkan dalaman parti itu di Johor," kata Ibrahim kepada pengacara rancangan itu Sharaad Kuttan.

Ibrahim berkata, ini kerana Johor merupakan kubu kuat Umno, tetapi dengan kekuatan itu sekalipun pembangkang sudah mengorak langkah masuk ke negeri itu.

"Sebarang jenis ancaman akan menyebabkan pembangkang peroleh lebih banyak undi pada pilihan raya umum akan datang," katanya.

Pada Jumaat, Majlis Tertinggi (MT) Umno menggantung keahlian Muhyiddin sehingga pemilihan akan datang.

Kesannya ialah beliau hilang jawatannya sebagai timbalan presiden Umno.

Ibrahim berkata penggantungan itu juga bermakna Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi lebih berpeluang mendapatkan jawatan timbalan presiden Umno.

Zahid menggantikan Muhyiddin sebagai timbalan perdana menteri selepas beliau digugurkan dalam rombakan Kabinet pada Julai lalu.

Zahid kini semakin menghampiri kedudukan nombor satu dalam Umno, kata Ibrahim.

"Penggantungan Muhyiddin dan pelantikan Zahid sebagai pemangku timbalan presiden meletakkan beliau di tempat yang sangat tepat untuk menggantikan Najib jika dan apabila presiden parti sekarang mengambil keputusan bersara daripada politik," kata Ibrahim.

Seluruh episod ini juga menggambarkan Umno efektif dalam memastikan

kelangsungannya tetapi ia masih perlu mengambil langkah menangani persepsi pengundi.

"Mereka mungkin akan mengambil langkah menangani persepsi pengundi terhadap kepimpinan parti.

"Siapa tahu, Zahid mungkin bersedia menjadi orang nombor 1 satu hari nanti, tetapi saya fikir, dalam keadaan sekarang, Najib akan kekal di kedudukan itu," kata Ibrahim.

Seorang lagi tetamu dalam ruangan bual bicara itu, Pengarang dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) The Malaysian Insider Jahabar Sadiq berkata, pertukaran kuasa dalam Umno hanya boleh terjadi apabila golongan elit di dalam parti itu merasakan Najib akan menyebabkan kekalahan mereka dalam pilihan raya umum akan datang.

Sehingga perkara itu berlaku, Najib akan terus menerajui Umno sampai ke pilihan raya umum seterusnya.

Jahabar berkata, Zahid membuat "kebangkitan menakjubkan" dalam parti, dan hanya setapak jauhnya daripada kedudukan presiden parti.

Jahabar mengimbas kembali ketika Zahid dipersalahkan kerana menjadi sebahagian daripada konspirasi menentang bekas perdana menteri Tun Dr Mahathir Mohamad pada 1998 semasa Datuk Seri Anwar Ibrahim dipecat.

"Saya rasa ia menakjubkan, dan ini menunjukkan bagaimana seseorang boleh melonjak naik dalam Umno jika mereka berikan seluruh jiwa raga untuk mencapainya, dan saya tidak hairan jika dia (Zahid) menjadi perdana menteri satu hari nanti, mungkin lebih awal jika dilihat situasi sekarang.

"Beliau mendapat sokongan daripada akar umbi, beliau sangat popular," kata wartawan senior itu.

Ditanya saranan yang boleh diberikan kepada Muhyiddin, Jahabar berkata, pemimpin Umno yang digantung itu harus bertindak sekarang kerana beliau sudah "membazirkan masa selama 7 bulan" sejak dipecat sebagai timbalan perdana menteri.

"Muhyiddin selama ini sangat berhati-hati, saya rasa kerana beliau seorang elit Umno yang tidak dapat melihat masa depan di luar Umno." – 29 Februari, 2016.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianoutsider.com/bahasa/article/penggantungan-muhyiddin-bakal-sebabkan-perpecahan-umno-johor-kata-penganali>